



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN VIDEO PENGAJARAN EDUWEBTV DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

ZURAIMI BIN MD. ROZDI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT BAGI MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIOLOGI)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-03/BO 32
Pind: 00 m/s: 1/1

Sila tandakan (/)

Kertas Projek

Sarjana Pendidikan

Sarjana Penyelidikan dan kerja kursus

Doktor falsafah

| |
|-------------------------------------|
| |
| <input checked="" type="checkbox"/> |
| |

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) 11 (bulan) 2013

i. Perakuan pelajar :

Saya, ZURAIMI BIN MD. ROZDI, M20111000313, FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN VIDEO PENGAJARAN EDUWEBTV DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR DR. SABERI BIN OTHMAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN VIDEO PENGAJARAN EDUWEBTV DALAM KALANGAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN BIOLOGI).

9.11.2013

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. DR. SABERI OTHMAN
Professor
Jabatan Biologi
Pakut Sains Dan Matematik
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/IPS-03/BO 32
Pind: 00 m/s: 1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
"[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"Tajuk / Title : Analisis Penerimaan Dan Penggunaan Video Pengajaran EDUWEBTV
Dalam Kalangan Guru Sains Sekolah Menengah

No. Matrik / Matic's No : M20111000313

Saya / : ZURAIMI BIN MD ROZDI

mengaku membenarkan [Tesis/Disertasi/Laporan-Kertas-Projek] (Doktor-Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori TIDAK TERHAD.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

 SULIT/CONFIDENTIALMengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972 **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

 TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 9-11-2013

PROF DR. SABERI OTMAN

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Fakulti Sains Dan Matematik

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catalan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkewasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
*Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*





PENGHARGAAN

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan keizinan dan bantuanNya dapat saya menyiapkan disertasi ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Pendidikan Biologi).

Di kesempatan ini, saya ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Saberi bin Othman selaku penyelia disertasi atas tunjuk ajar nasihat dan bimbingan yang diberikan sehingga terhasilnya disertasi ini dengan jayanya. Jutaan terima kasih juga pensyarah-pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah sudi berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman serta menyumbang masa dan tenaga dalam menyediakan disertasi ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) khususnya Bahagian Tajaan yang telah memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ini. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan Jabatan Pendidikan Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Penghargaan juga saya ingin rakamkan buat semua pengetua, penolong kanan, guru kanan sains dan guru sains sekolah terlibat yang telah banyak memberikan kerjasama, bantuan dan sokongan semasa saya menjalankan penyelidikan ini.



Ucapan penghargaan ini juga ingin saya rakamkan buat bonda Salasiah bt. Yet serta ahli keluarga saya yang telah banyak memberikan sokongan di sepanjang saya mengikuti program ini. Istimewa buat isteri, Khairunissak bt Ibrahim serta anak-anak tersayang, Aiman Bazli, Farah Najihah dan Muhamad Aidil Fazani. Terima kasih kerana telah banyak bersabar dan berkorban sepanjang saya mengikuti program ini. Kehadiran mereka di sisi, hakikatnya telah menguatkan semangat saya untuk berusaha dengan lebih gigih mencapai kejayaan demi menjamin kebahagian masa depan bersama.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang telah banyak memberi bantuan dan kerjasama, yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Hanya Allah sahaja yang dapat membala budi dan jasa baik anda semua. Semoga kemurnian usaha kita semua mendapat keberkatan Allah S.W.T.

ZURAIMI MD ROZDI
IPOH, PERAK





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis tahap penerimaan dan penggunaan video pengajaran daripada portal EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah, Kinta Utara, Perak. Kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian terdiri daripada 227 orang guru di 51 buah sekolah menengah. Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi oleh Davis (1989) dengan penambahan beberapa boleh ubah. Instrumen terdiri daripada set soal selidik dan protokol temu bual. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif menjelaskan demografi guru-guru sains dan tahap penerimaan EDUWEBTV. Manakala statistik inferensi pula melibatkan analisis korelasi, regresi berganda, dan analisis varian sehalia (ANOVA) yang menerangkan perhubungan serta perbezaan antara pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerimaan dan penggunaan video pengajaran daripada portal EDUWEBTV adalah pada tahap sederhana. Pemboleh ubah kebergunaan dan sokongan organisasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi dan menyumbang kepada amalan penerimaan serta penggunaan video pengajaran. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aspek umur dan pengalaman mengajar guru dalam penerimaan dan penggunaan video pengajaran dari EDUWEBTV. Bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kelulusan akademik bagi penerimaan dan penggunaan video pengajaran. Kesimpulannya kajian ini membuka satu kefahaman mengenai perlunya usaha yang berterusan untuk menggalakkan amalan penggunaan video pengajaran dari portal EDUWEBTV dalam kalangan guru untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains.



05-4506832



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



ANALYSIS OF THE ACCEPTANCE AND UTILISATION OF EDUWEBTV EDUCATIONAL VIDEO AMONG SECONDARY SCHOOLS SCIENCE TEACHERS IN NORTHERN KINTA, PERAK

ABSTRACT

This study is aimed to analyze the level of acceptance and utilization of educational video from the EDUWEBTV portal among the secondary schools science teachers, of Kinta Utara District, Perak. The study had been conducted by survey method. A total of 227 teachers from 51 different secondary schools were selected randomly as samples. This study used the Technology Acceptance Model (TAM) by Davis with the addition of new variables. Questionnaires and interview protocol were used as the instruments in collecting data. Data were analyzed by descriptive and inference analysis. The descriptive statistics were used to describe the demographic of science teachers and the level of acceptance towards EDUWEBTV. The inference statistics included a correlation analysis, double regression, and analysis of variance (ANOVA) which explain the relations and differences between the variables. Results showed that the acceptance and utilization of educational video from EDUWEBTV were at medium level. The usage variable and organizational support were the main factors that contributed to the acceptance and utilization of the educational video. The findings show that there were significant differences between age and length of teaching experience among teachers to the acceptance and use of instructional videos EDUWEBTV. However, the finding showed that the academic qualifications of teachers do not influence the acceptance and the use of instructional videos EDUWEBTV. As a conclusion, this study provide an understanding that there is a crucial need for constant effort in encouraging the utilization of the educational video from EDUWEBTV portal among teachers to increase the effectiveness of teaching and learning in science.





KANDUNGAN

Muka Surat

| | |
|-------------------|-----|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| ABSTRACT | vi |
| KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiv |
| SENARAI SINGKATAN | xv |

| | |
|----------|-----|
| LAMPIRAN | xvi |
|----------|-----|



BAB 1 PENGENALAN

| | |
|----------------------------|----|
| 1.1 Pendahuluan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Masalah | 4 |
| 1.3 Pernyataan Masalah | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 10 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 11 |
| 1.6 Hipotesis Kajian | 13 |
| 1.7 Kerangka Konsep Kajian | 14 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 17 |
| 1.9 Batasan Kajian | 18 |
| 1.10 Andaian | 19 |





| | | |
|------|----------------------|----|
| 1.11 | Definasi Operasional | 20 |
| 1.12 | Rumusan | 23 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | |
|-----|--|----|
| 2.1 | Pendahuluan | 24 |
| 2.2 | Integrasi ICT Dalam Pendidikan | 25 |
| 2.3 | Perkembangan EDUWEBTV dalam Pendidikan | 31 |
| 2.4 | Penggunaan Video Pengajaran dalam Mata pelajaran Sains | 35 |
| 2.5 | Perkembangan Model Penerimaan Teknologi (TAM) | 41 |
| 2.6 | Kajian Terdahulu Model Penerimaan Teknologi (TAM) | 48 |
| 2.7 | Pemboleh-Pemboleh ubah dalam Kajian | 51 |
| 2.8 | Kajian-Kajian Berkaitan | 63 |
| 2.9 | Rumusan | 66 |



BAB 3 METODOLOGI

| | | |
|-----|---------------------------|----|
| 3.1 | Pendahuluan | 67 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 68 |
| 3.3 | Populasi Kajian | 69 |
| 3.4 | Persampelan Kajian | 70 |
| 3.5 | Instrumen Kajian | 72 |
| 3.6 | Tatacara Pengumpulan Data | 82 |
| 3.7 | Kajian Rintis | 83 |
| 3.8 | Ujian Normaliti | 85 |





| | | |
|------|------------------------------------|-----|
| 3.9 | Ujian Lineariti | 86 |
| 3.10 | Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan | 87 |
| 3.11 | Teknik Analisis Data | 93 |
| 3.12 | Rumusan | 100 |

BAB 4 ANALISIS DATA

| | | |
|-------|---|-----|
| 4.1 | Pendahuluan | 101 |
| 4.2 | Maklum balas Kajian | 102 |
| 4.3 | Data Deskriptif | 103 |
| 4.4 | Analisis Data Pemboleh Ubah (Skor Min, Peratus dan Tahap) | 108 |
| 4.5 | Interpretasi Skor Min Pemboleh ubah | 108 |
| 4.6 | Tahap Pemboleh-Pemboleh ubah Kajian | 110 |
| 4.7 | Analisis Statistik Inferensi | 116 |
| 4.7.1 | Ujian Korelasi Pearson faktor Kebergunaan dengan Penerimaan EDUWEBTV | 117 |
| 4.7.2 | Ujian Korelasi Pearson faktor Kemudahgunaan dengan Penerimaan EDUWEBTV | 118 |
| 4.7.3 | Ujian Korelasi Pearson faktor Kecekapan Kendiri dengan Penerimaan EDUWEBTV | 119 |
| 4.7.4 | Ujian Korelasi Pearson faktor Sokongan Organisasi dengan Penerimaan EDUWEBTV | 120 |
| 4.7.5 | Hasil Ujian ANOVA sehala Terhadap Faktor Penerimaan EDUWEBTV berdasarkan umur | 122 |
| 4.7.6 | Hasil Ujian ANOVA sehala Terhadap Faktor Penerimaan EDUWEBTV berdasarkan Kelayakan Akademik | 124 |





| | | |
|-------|--|-----|
| 4.7.7 | Hasil Ujian ANOVA sehala Terhadap Faktor Penerimaan EDUWEBTV berdasarkan Pengalaman Mengajar | 125 |
| 4.7.8 | Ujian Regresi Berganda Antara Pemboleh ubah Bebas dengan Penerimaan EDUWEBTV | 127 |
| 4.8 | Rumusan | 131 |

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

| | | |
|-----|-----------------------------|-----|
| 5.1 | Pendahuluan | 133 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 134 |
| 5.3 | Perbincangan Dapatan Kajian | 137 |
| 5.4 | Kesimpulan Dapatan Kajian | 160 |
| 5.5 | Implikasi Dapatan Kajian | 165 |
| 5.6 | Cadangan | 166 |
| 5.7 | Cadangan Kajian Lanjutan | 172 |
| 5.8 | Rumusan | 173 |

| | |
|----------------|-----|
| RUJUKAN | 174 |
|----------------|-----|





SENARAI JADUAL

| Jadual | Muka Surat |
|--|-------------------|
| 3.1 Item kebergunaan | 75 |
| 3.2 Item kemudahgunaan | 76 |
| 3.3 Item Kecekapan Kendiri | 77 |
| 3.4 Item Sokongan Organisasi | 78 |
| 3.5 Item Penerimaan EDUWEBTV | 79 |
| 3.6 Ringkasan sumber item soal selidik kajian | 80 |
| 3.7 Skala Likert | 81 |
| 3.8 Ujian Normaliti melalui skewness dan kurtosis | 86 |
| 3.9 Penilaian kesahan pakar terhadap item soal selidik | 89 |
| 3.10 Skala persetujuan Cohen Kappa | 90 |
| 3.11 Nilai <i>cronbach alpha</i> | 92 |
| 3.12 Keputusan ujian kebolehpercayaan | 92 |
| 3.13 Garis Panduan bagi Skor Min | 94 |
| 3.14 Skala pekali Pearson oleh McBurney | 96 |
| 3.15 Jadual pengujian analisis data | 98 |
| 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina | 104 |
| 4.2 Taburan Responden Mengikut Bangsa | 104 |
| 4.3 Taburan Responden Mengikut Umur | 105 |
| 4.4 Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik | 106 |





| | | |
|------|--|-----|
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar | 106 |
| 4.6 | Kehadiran Kursus berkaitan Portal EDUWEBTV | 107 |
| 4.7 | Kekerapan Guru Sains menggunakan EDUWEBTV dalam sebulan | 108 |
| 4.8 | Skor Min Pemboleh ubah | 109 |
| 4.9 | Frekuensi dan Peratus Tahap Penerimaan EDUWEBTV | 110 |
| 4.10 | Frekuensi dan Peratus Tahap Kebergunaan | 111 |
| 4.11 | Frekuensi dan Peratus Tahap Kemudahgunaan | 113 |
| 4.12 | Frekuensi dan Peratus Tahap Kecekapan kendiri | 114 |
| 4.13 | Frekuensi dan Peratus Tahap Sokongan Organisasi | 115 |
| 4.14 | Ujian Korelasi Pearson hubungan antara kebergunaan dengan penerimaan EDUWEBTV | 118 |
| 4.15 | Ujian Korelasi Pearson hubungan antara kemudahgunaan dengan penerimaan EDUWEBTV | 119 |
| 4.16 | Ujian Korelasi Pearson hubungan antara kecekapan kendiri dengan penerimaan EDUWEBTV | 120 |
| 4.17 | Ujian Korelasi Pearson hubungan antara sokongan organisasi dengan penerimaan EDUWEBTV | 121 |
| 4.18 | Ringkasan Dapatan ujian Pekali Pearson | 121 |
| 4.19 | Ujian ANOVA Satu Hala Berdasarkan Umur Terhadap Penerimaan EDUWEBTV | 122 |
| 4.20 | Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> Bagi Tahap Penerimaan EDUWEBTV terhadap Umur | 124 |
| 4.21 | Ujian ANOVA Satu Hala berdasarkan Kelayakan Akademik Terhadap Penerimaan EDUWEBTV | 124 |
| 4.22 | Ujian ANOVA Satu Hala Berdasarkan Pengalaman Mengajar Terhadap Penerimaan EDUWEBTV | 125 |
| 4.23 | Ujian <i>Post Hoc Tukey</i> Berdasarkan Pengalaman Mengajar terhadap Penerimaan EDUWEBTV | 127 |
| 4.24 | Analisis Varian | 128 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiii

| | |
|---|-----|
| 4.25 Analisis Regresi Berganda (<i>stepwise</i>) bagi Meramal Sumbangan yang Mempengaruhi Penerimaan EDUWEBTV | 129 |
| 5.1 Ringkasan Dapatan Kajian | 162 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI RAJAH

| Rajah | Muka Surat |
|--|------------|
| 1.1 Kerangka konsep kajian | 16 |
| 2.1 Teori Tindakan Bersebab (Ajzen & Fishbein, 1980) | 43 |
| 2.2 Teori Gelagat Terancang (Ajzen, 1988) | 45 |
| 2.3 Model Penerimaan Teknologi (Davis, 1989) | 48 |
| 3.1 Model Bagi Analisa Regresi Berganda | 97 |
| 4.1 Min Pemboleh Ubah Kajian | 109 |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
XV

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------|--|
| BBM | -bahan bantu mengajar |
| BTP | -Bahagian Teknologi Pendidikan |
| EDUWEBTV | - <i>educational web television</i> |
| ICT | - <i>Information and Communications Technology</i> |
| P&P | -pengajaran dan pembelajaran |
| LDP | -Latihan Dalam Perkhidmatan |
| PKG | -Pusat Kegiatan Guru |
| KPM | -Kementerian Pendidikan Malaysia |
| TVP | -TV Pendidikan |
| TAM | - <i>Technology Acceptance Model</i> Model Penerimaan Teknologi |
| TTB | -Teori Tindakan Bersebab |
| TGT | -Teori Gelagat Terancang |



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



LAMPIRAN

| | | |
|------------|---|-----|
| Lampiran A | Soal Selidik | 185 |
| Lampiran B | Soalan Temu bual | 192 |
| Lampiran C | Keputusan Analisis SPSS | 203 |
| Lampiran D | Kesahan Instrumen Kajian | 228 |
| Lampiran E | Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia | 245 |
| Lampiran F | Surat Kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Perak untuk Menjalankan Kajian | 247 |
| Lampiran G | Surat Kebenaran daripada Pejabat Pelajaran Daerah Kinta Utara, Perak untuk Menjalankan Kajian | 249 |





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Penjanaan modal insan berminda kelas pertama merupakan tunjang kepada hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 yang dapat meletakkan tahap produktiviti pada kadar yang cekap dan berdaya saing seiring dengan perkembangan abad ke 21. Matlamat serta agenda untuk memupuk dan membentuk modal insan ini bergantung pada kualiti sistem pendidikan negara. Cabaran sektor pendidikan adalah untuk menyediakan platform yang kukuh dan mantap bagi melahirkan generasi yang diinginkan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Selari dengan konteks ini, bidang pendidikan memainkan peranan untuk melahirkan warganegara yang menguasai ilmu pengetahuan dan pada masa yang sama memiliki kemahiran teknologi yang tinggi. Penguasaan ilmu dan kemahiran teknologi merupakan prasyarat kepada pembentukan insan berminda kelas pertama. Pendidikan yang komprehensif semestinya dapat membentuk keperibadian yang tinggi, sikap yang terbuka terhadap inovasi sains dan teknologi dalam kehidupan seharian. Oleh sebab itu, sistem pendidikan negara memerlukan perancangan yang teratur dan terancang (Rosnaini, Mohd Arif & Jalalludin, 2011).

Sementara itu, cabaran ledakan maklumat dan globalisasi abad ke 21 terhadap sistem pendidikan di Malaysia perlu dihadapi dengan cara dan tindakan yang bersesuaian. Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara global telah memberikan impak besar dalam sektor pendidikan. Visi dan misi pendidikan juga harus berubah sejajar dengan keperluan masyarakat pada alaf baru. Corak dan cara penyampaian ilmu pengetahuan juga mesti selari dengan perkembangan ICT terkini. Para pendidik perlu bersedia untuk melakukan anjakan paradigma dari segi sikap, minat dan pengetahuan bagi proses penyesuaian. Pendekatan lazim yang terlalu mengutamakan penyampaian sehala perlu diubah kepada bentuk yang lebih progresif dan inovatif.

Selaras dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah meletakkan tiga dasar utama ICT dalam pembangunan pendidikan. Dasar yang utama adalah untuk menjadikan ICT sebagai peneraju dalam pendidikan dan merupakan bahan sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) guru. ICT diintegrasikan dalam proses





penyampaian isi kandungan serta kemahiran kepada para pelajar. Pengintegrasian antara ICT dan penyampaian isi kandungan yang berkesan mampu menjadikan proses P&P lebih bermakna kepada pelajar (Peeraer & Petergem, 2011).

Dalam pada itu, kaedah penyampaian ilmu pengetahuan juga telah berubah daripada penggunaan buku teks sebagai sumber rujukan utama oleh guru dan pelajar kepada penggunaan ICT sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam bilik darjah. Media pengajaran adalah seperti radio, rakaman audio, gambar foto dan sebagainya. TV pendidikan juga merupakan salah satu komponen ICT yang boleh dijadikan bahan sokongan dalam proses P&P.



perkembangan ICT secara global. Dunia digital pada era ICT menuntut keperluan yang lebih pantas, interaktif dan menarik. Ciri-ciri ini tidak dapat dipenuhi oleh TV Pendidikan. Oleh itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka satu program baharu iaitu dengan memperkenalkan portal EDUWEBTV yang boleh menggantikan TV Pendidikan dengan ciri-ciri yang dikehendaki. Portal EDUWEBTV merupakan kesinambungan TV Pendidikan yang berperanan sebagai pusat penyebaran maklumat pendidikan secara atas talian.

EDUWEBTV ialah singkatan daripada ‘*educational web television*’ yang merupakan satu inovasi inovatif pengajaran yang menggunakan web sebagai medium perantaraan. Portal EDUWEBTV mengandungi bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk video mengikut mata pelajaran dan topik-topik khusus. Selaras dengan





perkembangan negara dan kehendak semasa pelajar, EDUWEBTV telah mempelbagaikan jenis rancangan dan memperluas kumpulan sasar. Portal EDUWEBTV diterbitkan untuk tontonan dan penggunaan pelajar, guru dan masyarakat dengan memuatkan semua rancangan yang dahulunya terdapat dalam TV Pendidikan. Perbezaannya dengan TV Pendidikan ialah portal EDUWEBTV ditayangkan melalui komputer atau lebih spesifik lagi melalui penggunaan internet berbanding TV Pendidikan yang ditayangkan melalui televisyen.

Lantaran itu, guru mesti mempersiapkan diri dengan segala kemahiran yang berkaitan dengan ICT dan internet. Proses penyampaian ilmu tidak lagi tertakluk kepada penguasaan ilmu daripada buku teks semata-mata malah menjangkau dunia tanpa sempadan dengan kewujudan internet (Irfan & Nurullizam, 2011). Ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT akan melengkapkan peranan guru sebagai fasilitator, pembimbing dan penasihat dalam konteks pengajaran terkini. Penguasaan kemahiran dan pengetahuan ICT dalam kalangan guru adalah penting bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan video pengajaran EDUWEBTV berjalan dengan lancar.

1.2 Latar Belakang Masalah

TV Pendidikan merupakan satu projek perkembangan pendidikan bagi sekolah rendah dan menengah untuk semua mata pelajaran. Perkhidmatan TV Pendidikan bertujuan untuk menghebahkan maklumat yang pelbagai dan isi kandungan pelajaran untuk mempertingkatkan kecemerlangan dalam bidang pendidikan.





Namun, sering kita dengar bahawa pengaruh perkhidmatan siaran TV Pendidikan dikatakan tidak begitu memberangsangkan. Malah, ada sesetengah guru yang tidak menggunakan langsung perkhidmatan TV Pendidikan. Kajian Losinin (2004) telah mendedahkan bahawa terdapat tiga faktor utama kepada kurang penggunaan TV Pendidikan dalam bilik darjah:

- i) Jadual waktu induk sekolah tidak digubal selaras dengan jadual siaran TV Pendidikan.
- ii) Sikap pentadbir dan guru yang mengambil ringan terhadap penggunaan TV Pendidikan.
- iii) Guru itu sendiri tidak berminat untuk menggunakan TV Pendidikan.



Selain itu, masalah yang berlaku ialah masalah guru yang kurang kemahiran atau pengetahuan tentang penggunaan teknologi TV Pendidikan. Akibat tiada kemahiran, guru mengambil langkah mudah untuk tidak menggunakan teknologi TV Pendidikan kerana kurang mahir dan tidak mahu menyusahkan guru lain untuk mendapatkan bantuan. Hal ini menyebabkan penggunaan TV Pendidikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam P&P tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru.

Oleh hal yang demikian, pihak Bahagian Teknologi Pendidikan telah membangunkan portal EDUWEBTV untuk menggantikan TV Pendidikan. Usaha Bahagian Teknologi Pendidikan ini diharapkan dapat membantu guru kerana video pengajaran EDUWEBTV lebih mudah penggunaannya dari segi masa, pemilihan





bahan dan tajuk. Di samping itu, guru-guru juga boleh mendapatkan maklumat yang pelbagai berkaitan dengan dunia pendidikan dengan mudah memandangkan portal EDUWEBTV turut memaparkan berita-berita tentang pendidikan.

Portal EDUWEBTV merupakan kesinambungan kepada inisiatif TV Pendidikan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sejak tahun 1972. Bermula pada tahun 2008, TV Pendidikan secara rasminya telah beralih kepada dunia digital apabila menggunakan talian internet sebagai medium saluran. Penyiaran EDUWEBTV yang beroperasi sebagai TV Pendidikan maya dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh TV Pendidikan yang menggunakan siaran TV. TV Pendidikan secara web mempunyai kelebihan yang berikut (KPM, 2006a):



- i) Program dapat diakses dari mana-mana jua lokasi pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja yang mempunyai sambungan internet;
- ii) Kemudahan ICT sedia ada di sekolah dan institusi pendidikan yang lain dapat dioptimumkan;
- iii) Pengguna boleh memuat turun dan mengulang tonton program yang ada berkali-kali sehingga mereka faham akan kandungannya;
- iv) Penjimatan kos *airtime* kerana penyiaran rancangan tidak lagi bergantung pada stesen penyiaran pihak ketiga; dan
- v) Peningkatan peluang warga sekolah mengakses sumber pendidikan.





Potensi portal EDUWEBTV untuk dijadikan sumber rujukan oleh guru bagi mendapatkan bahan bantu mengajar (BBM) adalah sangat tinggi. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Soon Fook et al., (2009) menyatakan bahawa tahap penerimaan dan penggunaan portal EDUWEBTV masih rendah dan belum dioptimumkan sepenuhnya oleh para guru. Fenomena ini memberikan gambaran bahawa perubahan TV Pendidikan secara atas talian juga menghadapi masalah penerimaan dalam kalangan guru.

Namun, adakah guru-guru kita menyedari akan perkembangan ini? Sejauh manakah penerimaan guru-guru di sekolah terhadap penggunaan video pengajaran EDUWEBTV ini? Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan untuk meninjau sejauh mana penerimaan dan penggunaan guru-guru sains terhadap video pengajaran EDUWEBTV.



1.3 Pernyataan Masalah

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperuntukkan jutaan ringgit melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) untuk membangunkan TV pendidikan berdasarkan web yang dikenali sebagai portal EDUWEBTV. Pelaburan yang besar dalam menyediakan portal EDUWEBTV seharusnya digunakan dengan sebaik mungkin oleh para guru untuk meningkatkan proses pengintegrasian ICT dalam P&P. Namun begitu, isu rendahnya penerimaan dan penggunaan ICT dalam kalangan guru sering menjadi topik perbincangan.





Berdasarkan pada laporan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 2010a), pengguna berdaftar portal EDUWEBTV berjumlah 81,400. Muat turun video pengajaran pula berjumlah 6959. Jika dibahagikan pengguna berdaftar dengan bilangan guru sekolah yang berjumlah 412,710 orang (KPM, 2011), hanya 20 % sahaja guru yang berdaftar untuk menggunakan portal EDUWEBTV. Sementara, dari segi nisbah muat turun pula, hanya seorang daripada 100 orang guru yang memuat turun video pengajaran EDUWEBTV. Angka ini jelas menunjukkan penerimaan dan penggunaan bahan daripada portal EDUWEBTV yang rendah dalam kalangan guru.

Proses penerimaan sesuatu teknologi baharu melibatkan tanggapan mudah akses, mudah guna dan membawa faedah. Ketiga-tiga faktor ini memainkan peranan penting dalam usaha menarik minat guru untuk menggunakan portal EDUWEBTV

sebagai bahan sokongan dalam proses P&P di bilik darjah. Oleh itu, timbul persoalan, adakah semua guru bersedia untuk menggunakan ICT sepenuhnya di sekolah? Adakah guru memerlukan latihan dan sokongan yang spesifik? Adakah guru mempraktikkan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh daripada kursus dalam proses P&P mereka?

Dapatan kajian Soon Fook at el., (2010) menggariskan empat penyebab utama tentang rendahnya penggunaan video pengajaran EDUWEBTV oleh para guru:

- i) Masa muat turun yang terlalu lama
- ii) Kesuntukan masa untuk menggunakan EDUWEBTV
- iii) Bahan yang ada dalam EDUWEBTV kurang sesuai dengan keperluan pelajar
- iv) Kemahiran guru untuk mengintegrasikan EDUWEBTV dalam P&P masih rendah.





Kajian yang dijalankan oleh Shamsuddin (2010) terhadap pengguna berdaftar portal EDUWEBTV menjelaskan bahawa responden mempunyai sikap penerimaan positif berkaitan bahan bantu mengajar (BBM) yang disediakan dalam portal tersebut. Walau bagaimanapun, kekerapan penggunaan portal EDUWEBTV rendah dengan majoriti responden hanya melayari portal tersebut sekali dalam sebulan.

Berdasarkan penyelidikan dan pembacaan, kajian yang melibatkan video pengajaran EDUWEBTV masih amat kurang dijalankan. Sungguhpun ada kajian yang dijalankan, penyelidikan tersebut hanya melibatkan penilaian video pengajaran EDUWEBTV (Fattawi, Ismail, Wan Mohd Rani & Ratnawati, 2010), penerimaan pengguna berdaftar portal EDUWEBTV (Shamsuddin, 2010) dan peranan guru penyelaras media menghebahkan portal EDUWEBTV (Mohd Arif, Rosnani, Noraini, Jamil & Mohd Jasmy, 2011; Noraini, 2012). Ini menjelaskan bahawa kajian berkaitan dengan penerimaan dan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru mata pelajaran masih belum dikaji dengan menyeluruh.

Kajian mengenai penerimaan teknologi baharu khususnya penggunaan video dalam P&P di luar negara merupakan bidang penyelidikan yang telah meluas dan sangat digemari. Ini disebabkan oleh perkembangan ICT di luar negara telah berkembang pesat sejak tahun 60-an lagi. Di Malaysia sekarang, walaupun ICT dikira sebagai satu alat penting, tidak banyak kajian khususnya yang berkaitan dengan penggunaan video pengajaran dijalankan. Hal ini menyebabkan kekurangan pengetahuan tentang sikap, pengetahuan dan kemahiran guru yang boleh dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan.





Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap penerimaan dan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan elemen kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri serta sokongan organisasi dalam kalangan guru sains sekolah menengah. Kajian ini perlu dijalankan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting berkaitan penerimaan dan penggunaan guru-guru terhadap sesuatu program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk meninjau kesan kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri, sokongan organisasi terhadap penerimaan EDUWEBTV dalam kalangan guru



sains sekolah menengah daerah Kinta Utara, Perak. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri, sokongan organisasi dan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah.

2. Mengenal pasti hubungan kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah.





3. Mengenal pasti perbezaan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan faktor demografi seperti kategori kumpulan umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dalam kalangan guru sains sekolah menengah.
4. Menentukan jumlah sumbangan kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri, sokongan organisasi terhadap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian



Daripada pernyataan masalah dan objektif kajian di atas, maka soalan yang dijawab dalam kajian ini adalah :

1. Apakah tahap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
2. Apakah tahap kebergunaan terhadap penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
3. Apakah tahap kemudahgunaan terhadap penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
4. Apakah tahap kecekapan kendiri terhadap penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?





5. Apakah tahap sokongan organisasi terhadap penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
 6. Adakah terdapat hubungan kebergunaan dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
 7. Adakah terdapat hubungan kemudahgunaan dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
 8. Adakah terdapat hubungan kecekapan kendiri dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
 9. Adakah terdapat hubungan dan sokongan organisasi dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
10. Adakah terdapat perbezaan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan faktor umur dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
11. Adakah terdapat perbezaan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan faktor kelayakan akademik dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
12. Adakah terdapat perbezaan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan faktor pengalaman mengajar dalam kalangan guru sains sekolah menengah?
13. Sejauh manakah sumbangan kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi yang signifikan terhadap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains sekolah menengah?





1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian, berikut ialah hipotesis dalam kajian ini:

H₀₁: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kebergunaan dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.

H₀₂: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kemudahgunaan dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.

H₀₃: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecekapan kendiri dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.

H₀₄: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan organisasi dengan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.

H_{05a}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor umur terhadap penerimaan video pengajaran DUWEBTV.

H_{05b}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor kelayakan akademik terhadap penerimaan video pengajaran DUWEBTV.

H_{05c}: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor pengalaman mengajar terhadap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.

H₀₆: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan bagi kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi terhadap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.





1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep diibarat peta ataupun halatuju dalam sesuatu kajian. Pembentukan suatu kerangka konsep untuk memberikan penghuraian yang ringkas dan padat tentang bagaimana pemboleh-pemboleh ubah utama berinteraksi untuk menghasilkan pemahaman yang lebih bermakna dalam ruang lingkup fokus kajian. Penstrukturan kerangka konsep yang lengkap dapat menjana satu himpunan soalan kajian yang lengkap secara relatif, meneliti kajian lepas dengan lebih sistematik, mengumpulkan data dengan lebih teratur serta menganalisis data dengan lebih tersusun.



Kerangka konsep kajian ini dibina dari adaptasi Model Penerimaan Teknologi (TAM) yang diasaskan oleh David (1989). TAM ini dipilih atas kesesuaian dan hubungannya terhadap beberapa faktor yang dikenal pasti sebagai asas kepada keseluruhan penyelidikan ini. TAM dipilih sebagai model yang mendasari kajian ini kerana keupayaan model tersebut untuk menjelaskan penerimaan teknologi yang digunakan oleh pengguna teknologi. Dua faktor utama dalam TAM adalah pemboleh ubah kebergunaan dan kemudahgunaan. Dua faktor inilah akan menimbulkan keinginan kepada penggunaan untuk menggunakan teknologi dan seterusnya mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

TAM dikatakan model yang fleksibel apabila penyelidik-penyelidik terdahulu memasukkan pelbagai jenis pemboleh ubah yang lain disamping mengekalkan dua pemboleh ubah sedia ada iaitu kebergunaan dan kemudah gunaan (Teo, Luang & Sing, 2008; Stol & Kriek, 2011; Galy, Downey & Johnson, 2011; Park, 2009).





Penambahan pemboleh ubah yang lain tidak akan menjelaskan matlamat dan struktur dapatan yang ingin dikaji. Oleh itu, dalam kajian ini penyelidik telah menambahkan dua pembolehubah iaitu kecekapan kendiri dan sokongan organisasi disamping mengekalkan pemboleh ubah sedia ada iaitu kebergunaan dan kemudahgunaan. Pemilihan pemboleh-pemboleh ubah ini berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang dibincangkan secara mendalam di bab dua.

Kerangka konsep kajian ini dapat memberikan gambaran tahap penerimaan dan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV berdasarkan faktor kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi. Pada masa yang sama, faktor kumpulan umur, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar dipilih sebagai aspek luaran yang juga boleh mempengaruhi tahap penggunaan dan penerimaan video pengajaran EDUWEBTV.




Penyelidikan ini menggunakan tiga pemboleh ubah kajian iaitu pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah moderator. Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini dibahagikan kepada empat, iaitu kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi. Manakala pemboleh ubah bersandar ialah penerimaan video pengajaran EDUWEBTV. Seterusnya, pemboleh ubah yang terakhir adalah pemboleh ubah moderator iaitu kumpulan umur, kelayakan akademik. Pemboleh ubah moderator ini bukanlah pemboleh ubah yang utama tetapi pemboleh ubah ini boleh berinteraksi dgn pemboleh ubah tidak bersandar bagi mempengaruhi pemboleh ubah bersandar.





Kesimpulannya, kerangka konsep ini menunjukkan hubungan semua pemboleh ubah yang terlibat terhadap penerimaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru sains di sekolah menengah. Berdasarkan sorotan kajian yang dibincangkan pada bab dua, kerangka konsep kajian ini dibina untuk membekalkan struktur kepada kajian yang hendak dijalankan seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah 1.1.



Pemboleh ubah tidak bersandar

Pemboleh ubah bersandar

Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian yang diadaptasi daripada Model Penerimaan Teknologi (Davis,1989)





1.8 Kepentingan Kajian

1.8.1 Kepada Guru

Kajian ini penting bagi guru untuk mengenal pasti tahap kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi yang disediakan oleh portal EDUWEBTV. Guru boleh menggunakan dapatan ini sebagai asas untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan bahan yang disediakan oleh portal EDUWEBTV dalam bilik darjah.

1.8.2 Kepada Bahagian Teknologi Pendidikan

Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) boleh mengambil tindakan terhadap hasil



Berdasarkan dapatan kajian, BTP berperanan untuk melaksanakan pelbagai usaha seperti memperbanyak kursus menggunakan EDUWEBTV di peringkat negeri atau daerah serta memberikan dorongan dengan menyediakan guru pembimbing yang boleh dirujuk apabila terdapat masalah mengaplikasikan pengajaran melibatkan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV.

1.8.3 Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam merencanakan program pendidikan untuk guru dan pelajar seharusnya mengenal pasti keperluan-keperluan asas dalam membimbing guru ke arah pendidikan digital untuk





semua sebagai persediaan untuk menangani cabaran perubahan pendidikan pada masa mendatang.

1.8.4 Kepada Penyelidik

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan yang sering timbul pada fikiran penyelidik tentang penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru. Hal ini adalah kerana sepanjang pengalaman penyelidik mengajar di sekolah, penyelidik sering bertanya mengapakah ramai guru tidak menggunakan bahan yang terdapat dalam portal EDUWEBTV dalam pengajaran mereka? Melalui kajian ini, diharapkan penyelidik dapat mengetahui penerimaan dan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam kalangan guru dengan lebih jelas.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah menengah di daerah Kinta Utara yang menawarkan mata pelajaran Sains dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Daerah Kinta Utara di pilih kerana berdasarkan Laporan Tahunan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP, 2011), melaporkan bahawa kesemua sekolah menengah (51 buah) telah dihubungkan dengan rangkaian *Schoolnet*.

Penyelaras bestari di setiap sekolah juga telah diberikan latihan secara berkala mengikut Pusat Kegiatan Guru (PKG) masing-masing untuk melaksanakan integrasi penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dalam P&P. Kursus dalaman di peringkat





sekolah juga telah dijalankan kepada semua guru secara berkala pada sesi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang wajib dihadiri oleh guru.

Faktor masa, jarak, kewangan dan kos juga diambil kira dalam kajian ini. Ini dapat dikurangkan kerana penyelidik juga merupakan seorang guru yang bertugas di salah sebuah sekolah di daerah ini. Oleh yang demikian, ini memudahkan urusan kajian dilaksanakan. Guru yang terlibat dalam kajian ini, hanyalah guru yang mengajar mata pelajaran sains dari tingkatan satu hingga tingkatan lima sahaja. Mata pelajaran sains bermaksud sains teras, Fizik, Kimia dan Biologi.

Lima pemboleh ubah kajian yang terlibat ialah penerimaan video pengajaran

EDUWEBTV, kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi dalam penggunaan EDUWEBTV dalam P&P oleh guru sains sekolah menengah.

1.10 Andaian

Beberapa andaian telah dibuat supaya kajian ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan dianggap sah iaitu :

- Responden kajian memberikan kerjasama secara jujur dan ikhlas.
- Responden kajian memberikan gerak balas secara sukarela.
- Responden kajian memahami dan mematuhi segala arahan yang diberikan.
- Arahan soal selidik yang diberikan adalah jelas, ringkas dan padat.





- Pernyataan item adalah tepat dan jelas.

Kajian ini dijalankan di daerah Kinta Utara, Perak sahaja dan tidak mewakili tahap penerimaan, kebergunaan, kemudahgunaan, kecekapan kendiri dan sokongan organisasi guru sains sekolah menengah yang menggunakan video pengajaran EDUWEBTV dalam P&P di seluruh Malaysia.

1.11 Definasi Operasional

Berikut merupakan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini:

1.11.1 Penerimaan dalam kajian ini boleh disamaartikan sebagai tingkat kecenderungan guru sains untuk menggunakan video pengajaran EDUWEBTV dalam proses P&P dalam bilik darjah. Tahap penerimaan ini bergantung pada penilaian guru tersebut adakah video pengajaran EDUWEBTV dapat memenuhi kehendak isi dan objektif sesuatu topik, mampu meningkatkan motivasi, memudahkan pemahaman pelajar terhadap konsep-konsep yang hendak disampaikan, menimbulkan suasana yang lebih menarik seterusnya menghasilkan tumpuan yang lebih terhadap apa yang ingin dipersembahkan (Swanson, 1988).

1.11.2 Penggunaan merujuk kepada tingkat kekerapan video pengajaran EDUWEBTV digunakan dalam proses P&P guru sains. Penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dilaksanakan secara terancang dan bersesuaian





bagi meningkatkan kecekapan proses dan keberkesanan P&P. Pengintegrasian video pengajaran EDUWEBTV dalam P&P berlandaskan kepada kaedah dan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar.

1.11.3 Kebergunaan adalah merujuk kepada tahap keyakinan guru sains bahawa penggunaan video pengajaran EDUWEBTV dapat memperjelaskan, menggambarkan, mengawal, menarik tumpuan pemikiran dan menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif untuk memahami serta mengekalkan kefahaman dalam tempoh jangka panjang. Penggunaan video pengajaran guru diharapkan dapat menyelesaikan masalah semasa proses pembelajaran serta memperolehi hasil yang bertepatan dengan isi kandungan (Davis, 1989).



1.11.4 Kemudahgunaan merujuk kepada bahan video pengajaran EDUWEBTV senang untuk diintegrasikan dengan proses P&P bagi membantu guru mengajar sesuatu topik dengan lebih berkesan. Kandungan video pengajaran EDUWEBTV diharapkan berupaya menjadikan idea-idea yang abstrak kepada konkret dalam minda pelajar melalui visualisasi yang digunakan. Ciri-ciri ini akan memperbaiki kualiti pengajaran guru dan mengubah keadaan mengajar yang diamalkan sebelum ini untuk disesuaikan dengan penggunaan video pengajaran EDUWEBTV (Davis, 1989).





1.11.5 Kecekapan Kendiri merujuk kepada keupayaan dan kecekapan guru sains memproses, mengurus, memanipulasi, memindah, menyimpan dan menggunakan bahan video pengajaran EDUWEBTV dalam proses P&P. Pengintegrasian video pengajaran EDUWEBTV dalam proses P&P dapat dilaksanakan melalui pendekatan “belajar dengan ICT” di mana guru mahir dalam pedagogi yang melibatkan penggunaan ICT khususnya video pengajaran EDUWEBTV. Peranan guru dalam mengintegrasikan video pengajaran EDUWEBTV dalam P&P terlibat dalam semua peringkat proses pembelajaran bermula dari persediaan sebelum pengajaran, semasa dan penilaian selepas sesi P&P (Compeau & Higgin, 1995a).

1.11.6 Sokongan Organisasi merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan guru



sains bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Pusat Kegiatan Guru (PKG), pentadbir sekolah memberikan sokongan dari segi latihan, peralatan dan moral bagi membentuk perubahan sistematik terhadap budaya sekolah dengan menggunakan ICT khususnya video pengajaran EDUWEBTV sebagai alat pemudah cara dalam P&P (Eisenberger, Huntington, Hutchison & Sowa, 1986). Penglibatan pemimpin dari seluruh peringkat dalam usaha membentuk pembudayaan teknologi dalam P&P amat-amat diharapkan oleh warga pendidik.





1.12 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan elemen-elemen yang menjadi latar belakang kajian. Elemen-elemen yang telah disentuh berkaitan dengan pengenalan wujudnya portal EDUWEBTV sebagai transformasi penyampaian sumber P&P kepada guru serta matlamat dan kepentingannya. Bab ini juga menyatakan pernyataan masalah, objektif, persoalan, hipotesis dan kerangka konsep. Bagi elemen kepentingan kajian pula terdapat penyenaraian pihak yang boleh mendapatkan faedah serta kesan daripada kajian ini. Aspek-aspek ini memberikan gambaran keseluruhan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan berkaitan portal EDUWEBTV.

